

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7845**

**SOALAN:**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah wujudnya perbezaan dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara dan Menteri Dalam Negeri dalam kes bantahan salib di atas dinding gereja di Taman Medan tanpa apa-apa siasatan dilakukan terlebih dahulu.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berhubung dengan isu perhimpunan untuk membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya di mana Menteri Dalam Negeri telah menyatakan tindakan boleh diambil di bawah Akta Hasutan. Walau bagaimanapun, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan pada 20 April 2015. Dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut.**

**Pihak polis dalam proses untuk melengkapkan siasatan serta mengumpul bukti-bukti sebelum Kertas Siasatan diedarkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut .**